

16/05/1997

Syor bina kilang Proton di India

KETUA Menteri Daerah India Selatan, Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu yang kini berada di Malaysia, menghantar surat kepada Menteri Perindustrian India meminta kebenaran diberikan kepada Malaysia untuk menempatkan kilang Proton di wilayahnya.

Naidu menghantar surat itu dari Kuala Lumpur berikutan penerimaan secara dasarnya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas cadangannya supaya kilang Proton ditempatkan di Vishakhpatnam.

Menurut kenyataannya yang dikeluarkan di pejabat Ketua Menteri di Hyderabad, surat kepada Menteri Perindustrian India, Murasoli Maran menyatakan, surat rasmi kerajaan itu dihantar berikutan keputusan kerajaan Malaysia menempatkan kilang Proton di wilayahnya.

Vishakhpatnam dipilih sebagai lokasi strategik yang akan menempatkan kilang Proton di Andhra Pradesh kerana beberapa kilang keluli dan industri berkaitan dengannya terdapat di sana.

Naidu berkata, Dr Mahathir juga secara dasarnya bersetuju mengeratkan hubungan di antara Vishakhpatnam dan Pelabuhan Klang untuk keperluan penghantaran di rantau itu.

Naidu berkata, berikutan pertemuannya dengan Dr Mahathir, kedua pihak bersetuju bekerjasama membangunkan infrastruktur kedua negara dan bercadang menubuhkan tugas bersama tertumpu kepada cadangan usaha sama.

(END)